

**Presiden Umno Mahu Jentera Lebih Agresif Hadapi PRU-13**  
**Mstar Online**  
**27 November, 2012**  
**Oleh ARIFFUDDIN ISHAK**

**KUALA LUMPUR:** Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu jentera parti itu bergerak dengan lebih agresif terutama bagi mendekati rakyat untuk menerangkan agenda kerajaan mentadbir negara.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin berkata, Najib turut menggesa jentera di semua peringkat parti itu agar mengambil pendekatan untuk 'menyerang' dalam usaha mempertahankan kemenangan.

"Beliau mahu kita lebih agresif berdepan dengan pengundi. Antara ayat yang ditegaskan ialah untuk kita mempertahankan kedudukan iaitu kemenangan bagi BN (Barisan Nasional).

"Jalan terbaik untuk mempertahankan kedudukan ialah serang. Untuk kita pertahankan kedudukan sebagai pemerintah di peringkat nasional...kita perlu serang," katanya kepada pemberita selepas majlis Taklimat Presiden kepada perwakilan sempena Perhimpunan Agung Umno di sini, Selasa.

Selain itu menurut Khairy, Perdana Menteri juga menekankan kepada perwakilan agar memperkemas organisasi parti sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

"Presiden beri peringatan agar semangat kena tinggi, organisasi kena kemas, jangan sabotaj parti.

"Malah soal calon kita diingatkan supaya terima sahaja apa-apa keputusan parti," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/11/27/mstar\\_berita/20121127195848&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/11/27/mstar_berita/20121127195848&sec=mstar_berita)